



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN JULAI 2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan Julai 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.

2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk utama makroekonomi.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat 9 sub-indeks di dalam BSI. **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, adalah 50.4 bagi bulan Julai 2022. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, para peniaga berpandangan optimistik mengambil kira jangkaan aktiviti perniagaan dan tahap jualan yang akan meningkat pada bulan Julai 2022. Beberapa sektor menjangka keadaan perniagaan mereka akan bertambah baik dengan musim Haji dan Hari Raya Aidiladha, serta acara dan perayaan berkaitan dengan ulang tahun hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-76 tahun. Di samping itu, sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan mengongsikan sentimen optimistik atas jangkaan harga minyak akan kekal di tahap yang tinggi dan tahap pengeluaran akan meningkat. Sebahagian perniagaan pula menjangka akan menghadapi penurunan dalam aktiviti perniagaan berikutan kenaikan semula kes jangkitan COVID-19, pengurangan dalam perbelanjaan di kalangan pengguna, dan beberapa hari kelepasan awam pada bulan Julai.

5. Bagi bulan Ogos 2022, para peniaga secara amnya berpandangan optimistik terhadap keadaan perniagaan di mana indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan adalah pada tahap 50.3. Ini didorong oleh jangkaan peningkatan jualan dan projek, serta aktiviti perniagaan yang bertambah baik dengan kedatangan pekerja-pekerja asing dan penghantaran stok ke dalam negeri. Dengan pembukaan sempadan bermula 1 Ogos 2022, sebahagian perniagaan bimbang ia akan menjelaskan penjualan dengan jangkaan ramai penduduk akan berbelanja di luar negeri. Walau bagaimanapun, sesetengah

perniagaan berpendapat ia mungkin akan mendatangkan manfaat, antaralainnya seperti pemulihan permintaan daripada pelanggan asing bagi barang dan perkhidmatan di negara ini.

6. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.5 bagi bulan Julai 2022, 50.0 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.3 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap pelaburan pada bulan Julai 2022 dengan pembelian mesin dan peralatan baharu; pembesaran premis perniagaan; dan penambahan stok. Walaupun tahap pelaburan dijangka akan kekal pada tahap yang sama pada bulan Ogos 2022, para peniaga menjangkakan peningkatan bagi tiga bulan ke hadapan.
7. **Sub-indeks Pekerjaan** adalah 50.2 bagi bulan Julai 2022, dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa perniagaan, secara amnya, menjangka akan mengambil pekerja baharu pada bulan Julai 2022 berikutan peningkatan dalam jumlah projek serta aktiviti perniagaan, dan untuk menggantikan pekerja-pekerja yang telah menamatkan perkhidmatan. Para peniaga juga mengongsikan rancangan untuk terus mengambil pekerja baharu pada bulan Ogos 2022 diakibatkan isu kekurangan tenaga kerja masih berterusan, yang antaralainnya disebabkan oleh kelambatan dalam pengambilan pekerja asing dan juga cabaran dalam pengambilan pekerja tempatan.
8. **Sub-indeks Kos** adalah 50.3 bagi bulan Julai 2022, dan 50.1 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa para peniaga, secara amnya, menjangka kos menjalankan perniagaan akan meningkat pada bulan Julai dan Ogos 2022. Beberapa faktor yang dikongsikan termasuk kenaikan harga bahan mentah; peningkatan kos logistik dan pengangkutan; perbelanjaan penyelenggaraan, latihan, pembayaran lebih masa, dan gaji bagi pekerja-pekerja baharu; dan pembelian tiket penerbangan untuk pekerja asing yang kembali ke negara asal.

BSI Julai 2022	
Keadaan Perniagaan	50.4
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan	50.5
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.0
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.3
Pekerjaan	50.2
Pekerjaan Satu Bulan Ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke hadapan	50.1

9. Dari segi **sektor ekonomi**, 6 daripada 11 sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan Julai 2022. Sektor Pengangkutan dan Komunikasi, serta Kewangan dan Insurans menunjukkan kenaikan indeks yang tertinggi, didorong oleh pelonggaran langkah-langkah sekatan selanjutnya. Di samping itu, sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan juga menjangka prestasi dan tahap keuntungan akan bertambah baik dengan tambahan pengeluaran dan harga minyak yang lebih tinggi. Sebaliknya, sektor Perkhidmatan Swasta Lain menunjukkan sentimen perniagaan yang pesimistik bagi bulan Julai 2022 dengan jangkaan penurunan produktiviti disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja. Sementara itu, sektor Pembuatan, Pembinaan, Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman, serta Kesihatan dan Pendidikan melaporkan sentimen yang hampir sama pada bulan Julai 2022 berbanding dengan bulan Jun 2022.

Keadaan Perniagaan Julai 2022 Mengikut Sektor	
Kewangan & Insurans	50.7
Pengangkutan & Komunikasi	50.7
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.6
Hotel & Restoran	50.3
Perdagangan Borong & Runcit	50.1
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.1
Pembinaan	50.0
Kesihatan & Pendidikan	50.0
Pembuatan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Perkhidmatan Lain	49.9

10. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, hanya perusahaan bersaiz besar berpandangan optimistik pada bulan Julai 2022 dengan jangkaan tahap jualan dan keuntungan yang akan bertambah baik dengan peningkatan pengeluaran dan aktiviti perniagaan secara amnya. Sementara itu, perniagaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana pula melaporkan sentimen keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan Julai 2022 berbanding dengan bulan sebelumnya.

Keadaan Perniagaan Julai 2022 mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.0
Sederhana	50.0
Besar	50.3


11. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik dalam laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 26 Muharram 1444H / 24 Ogos 2022M
 Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Julai 2022



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

